



SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



SPPP

SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA

APA ITU SPPP

Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) merupakan satu inisiatif untuk membantu usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa mendaftar perniagaan secara PERCUMA



USAHAWAN
KUMPULAN B40



PELAJAR IPT
SEPENUH MASA

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

USAHAWAN KUMPULAN B40

- Warganegara atau penduduk tetap berumur 18 tahun dan ke atas
- Penerima/pasangan yang menerima bantuan khas kerajaan melalui MOF/LHDN yang memanfaatkan golongan B40 seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), mySalam dan lain-lain;
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM

PELAJAR IPT SEPENUH MASA

- Warganegara atau penduduk tetap berumur 18 tahun dan ke atas
- Pengajian belajar/kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA / IPTS / Politeknik / Kolej / Institut Kemahiran / Pusat Kemahiran di dalam negara
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM

MANFAAT PENGECUALIAN FI

RM30

Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan. (*Contoh : Ali bin Abu / Tan Bee Din / Yuvarajoo A/L Rajagopal*)

RM60

Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari kategori kumpulan yang layak memohon skim ini) menggunakan nama tred. (*Contoh : Percetakan Fakhrur, Lemang Tokti Enterprise, Rahim Fitness Centre*)

RM10

Cetakan maklumat perniagaan

*Skim ini percuma hanya untuk tempoh setahun sahaja

KELEBIHAN MENDAFTAR PERNIAGAAN



Perniagaan
diperakui sah disisi
undang-undang



Membolehkan akaun
semasa perniagaan di
daftarkan



Meningkatkan
kepercayaan pembeli
untuk berurusan dengan
peniaga yang sah



Memudahkan akses kepada
bantuan pinjaman kewangan
dan latihan daripada kerajaan
& agensi berkaitan



Boleh memasuki
transaksi jual beli yang
sah termasuk ikatan
kontrak

CARA MEMOHON SPPP

1. Permohonan secara atas talian sahaja di ezbiz.ssm.com.my
2. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna akaun EzBiz Online terlebih dahulu
3. Lampirkan dokumen-dokumen seperti berikut:

USAHAWAN KUMPULAN B40

- i) Bukti pengesahan menerima bantuan khas kerajaan melalui MOF / LHDN yang memanfaatkan golongan B40 atas nama atau No. Mykad / MyPR penerima / pasangan; dan
- ii) Salinan Sijil Perkahwinan / kad pengenalan suami dan isteri menunjukkan alamat kediaman yang sama atau apa-apa dokumen sokongan yang membuktikan hubungan suami / isteri pemohon.

PELAJAR IPT SEPENUH MASA

Salinan surat perakuan pelajar dari pihak IPTA / IPTS / Politeknik / Kolej / Institut Kemahiran / Pusat Kemahiran.



**SILA IMBAS
UNTUK KETERANGAN LANJUT**

HUBUNGI SSM



Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur



+603-7721 4000 (Pusat Panggilan SSM)



enquiry@ssm.com.my